

11 MAR 2003

Parlimen-Bahas

PENGERUSI BBC DOMINASI HARI PERTAMA SIDANG DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) yang baru, Datuk Mohd Zin Mohamed, mendominasi hari pertama persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dalam sesi soal jawab, beliau "membuka gelanggang" dengan mengemukakan soalan pertama, dan semasa sesi perbahasan pula, memulakannya dengan membentangkan usul supaya dewan ditangguhkan untuk membahaskan bantahan terhadap apa jua tindakan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Dewan Rakyat meluluskan usul oleh anggota dari Shah Alam itu dan menangguhkan mesyuarat untuk membahaskan usul selama satu jam.

Mohd Zin, yang mengetuai BBC sejak akhir tahun lepas bagi menggantikan Datuk Jamaluddin Jarjis yang dilantik Menteri Kewangan Kedua, telah mengambil keseluruhan waktu perbahasan yang bermula pukul 11.15 pagi sehingga pukul 4.30 petang untuk membentangkan usul ucapan menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong.

Dengan ucapan bertemakan "Memperkasa Kekuatan Dalam" setebal 51 muka surat, beliau terpaksa menyambung ucapannya yang masih berbaki 20 halaman esok.

Ucapan Mohd Zin yang merangkumi pelbagai perkara dalam isu ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa, pendidikan, sosial, kesihatan dan alam sekitar, tidak berjalan lancar apabila beliau terpaksa memberi laluan kepada beberapa anggota yang meminta penjelasan.

Menyentuh panjang lebar beberapa isu ekonomi, beliau berkata keupayaan Malaysia menghasilkan produk Islam sama ada perkhidmatan kewangan serta produk lain yang tidak bercanggah dengan hukum syarak, wajar dilihat sebagai satu pencapaian penting negara.

"Keupayaan penghasilan rangkaian produk Islam bukan sahaja menjadi tarikan kepada umat Islam terhadap tuntutan agama, ia juga menjadi pilihan kepada mereka yang bukan Islam kerana terbukti memberi manfaat kepada mereka," katanya.

Mohd Zin berkata sistem perbankan dan kewangan Islam kini turut diterima oleh bank-bank antarabangsa dan ia menunjukkan produk berkenaan mempunyai potensi untuk terus berkembang.

Institusi kewangan Islam telah berkembang pesat dan menguasai AS\$180 bilion di seluruh dunia, manakala di Malaysia, perbankan Islam telah menguasai 8.2 peratus atau RM58.9 bilion daripada industri perbankan tempatan, katanya.

Dalam ucapan yang panjang lebar itu, Mohd Zin turut menyentuh tentang penubuhan ValueCap Sdn Bhd yang telah menunjukkan impak untuk membendung penyangak pasaran saham yang keluar dan masuk pasaran secara mengejut.

Dalam bidang bioteknologi pula, beliau berkata bidang itu akan menjadi pemacu baru ekonomi selepas era teknologi maklumat dan komunikasi setelah Dasar Bioteknologi Kebangsaan dilancarkan tahun ini.

"Nilai permintaan ke atas bioteknologi dijangka akan mencecah sehingga AS\$50 bilion menjelang tahun 2005. Malaysia kini diletakkan sebagai antara 12 negara yang diakui sebagai pusat biodiversiti mega," katanya.

Negara-negara lain yang mendapat taraf biodiversiti mega ialah China, India, Indonesia, Zaire, Brazil, Colombia, Ecuador, Mexico, Peru dan Australia.

Mengenai perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Mohd Zin berkata usahawan berkenaan perlu mengubah paradigma mereka mengikut peredaran masa bagi memastikan mereka kekal relevan dan mempunyai daya

saing dalam era globalisasi dan liberalisasi.

Untuk terus relevan, katanya, usahawan IKS perlu meningkatkan penggunaan teknologi serta mengambil kira kualiti produk yang dihasilkan dengan memenuhi standard antarabangsa dengan mendapatkan pengiktirafan kualiti ISO 9001:2000.

Mohd Zin juga berharap usaha untuk menggabungkan semua syarikat dan agensi pelancongan yang beroperasi secara berasingan dilakukan dengan segera.

Katanya ia adalah bagi memastikan usaha mempromosi produk pelancongan Malaysia di peringkat global dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

"Langkah seperti itu dilihat mampu memberikan kesan positif kepada industri pelancongan di negara ini selain memudahkan kerajaan memantau kegiatan syarikat atau agensi pelancongan yang beroperasi," katanya.

Menyentuh isu politik dan hubungan antarabangsa, Mohd Zin berkata kejayaan negara menganjurkan sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali bulan lepas amat dibanggakan dan berharap Malaysia akan terus bersuara lantang.

"Kita berharap seruan bernas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengharamkan peperangan diambil secara serius dan tidak sesekali dipandang remeh, kerana ia adalah asas sebenar mewujudkan situasi kehidupan aman makmur," katanya.

Berhubung sekolah agama rakyat (SAR), Mohd Zin berkata isu kini telah menjadi bahan politik parti pembangkang.

"Amat menyedihkan apabila setiap perubahan yang dilakukan terhadap dasar pendidikan mendapat tentangan dan dijadikan modal politik," katanya.

Tegurannya membuat beberapa anggota pembangkang bangun memohon penjelasan dan ini menyebabkan sidang dewan gamat seketika.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

FA HS MAI